

## Pengenalan

Rukun Tetangga adalah satu jawatankuasa sukarela di bawah pengawasan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Penubuhannya diutamakan di kawasan-kawasan kediaman di bandar, pinggir bandar dan kawasan yang berisiko tinggi. Pemastautin-pemastautin yang menganggotai Jawatankuasa Rukun Tetangga merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti ke arah mengerakkan lagi perhubungan di antara rakyat dan kerajaan. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berdikari, berdaya maju serta mewujudkan suasana harmoni dan perpaduan di kalangan penduduk sejiran.

## Latar Belakang

Skim Rukun Tetangga diperkenalkan pada tahun 1975 berikut dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (RT) 1975. Jawatankuasa Rukun Tetangga yang diwartakan di bawah skim ini mengawal keselamatan melalui rondaan wajib pemastautin, merupakan satu-satunya kegiatan Rukun Tetangga pada ketika itu.

Apabila keadaan keselamatan negara pulih, Skim Rukun Tetangga dikaji semula dan pindaan telah dibuat pada Peraturan-Peraturan Perlu (RT) 1975. Tumpuan dialihkan daripada konsep keselamatan kepada konsep kejiranan mulai tahun 1983. Konsep kejiranan bertujuan untuk membolehkan penduduk dalam Kawasan Rukun Tetangga mengenali jiran agar mereka hidup dalam Kawasan Rukun Tetangga mengenali jiran agar mereka hidup dalam suasana harmoni, bertoleransi, hormat-menghormati dan saling bantu-membantu.

Mulai tahun 2001, Rukun Tetangga berfokuskan kepada aspek pembangunan komuniti selaras dengan usaha kerajaan mengatasi masalah-masalah sosial di kalangan masyarakat tempatan. Aktiviti-aktivitinya terdiri daripada pelbagai bidang berkoncepcian : pendidikan sepanjang hayat dan memperkasakan komuniti (community empowerment), ke arah meningkatkan keupayaan masyarakat terhadap perubahan sosial dan gaya hidup.

## Keutamaan Dalam Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga

- Kawasan kediaman di bandar, pinggir bandar dan kawasan berisiko tinggi; dan
- Jumlah penduduk lebih kurang 2,000 orang yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

## Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga adalah terdiri daripada :-

- i. Seorang Pengurus
- ii. Seorang Timbalan Pengurus
- iii. Seorang Setiausaha
- iv. Seorang Penolong Setiausaha
- v. Seorang Bendahari dan
- vi. Ahli-ahli jawatankuasa di antara 10 hingga 20 orang

Jawatankuasa kecil - Jawatankuasa Kecil yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut :-

- i. Jiran Wanita
- ii. Jiran Muda
- iii. Jiran Warga Emas
- iv. Tunas Jiran dan
- v. Lain-lain mengikut keperluan

Jumlah keanggotaan Jawatankuasa ialah seramai 15 hingga 25 orang. Semua pemastautin dalam Kawasan Rukun Tetangga secara automatik menjadi ahli Rukun Tetangga kawasan berkenaan. Mereka boleh menyertai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga berkenaan.

## Jenis Aktiviti

### 1. Sosial

Sambutan perayaan-perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Keluarga, Lawatan/kunjungan dan lain-lain.

### 2. Pendidikan

Pendidikan tidak formal, Seminar Jiran Wanita, kursus motivasi, kursus kepimpinan, tuisyen dan ceramah-ceramah dalam pelbagai bidang.

### 3. Sukan

Sukaneka (telematch), larian, permainan bola sepak, bola baling, bola jaring, sukan air, sukan traditional, sukan rakyat dan lain-lain.

### 4. Rekreasi

Tai Chi, ekspedisi memanjat bukit, kembara, khemah kerja dan lain-lain.

### 5. Kesihatan dan Alam Sekitar

Ceramah kesihatan berkaitan dengan anti-dadah, Aids, kanser, kempen kebersihan, anti-nyamuk dan menjaga harta awam.

### 6. Kebajikan

Melawat ke rumah warga tua, sumbangan kepada orang miskin, kerja-kerja amal, bantu mangsa banjir, rebut dan bencana alam.

### 7. Agama

Ceramah keagamaan dan forum.

### 8. Kesenian dan Kebudayaan

Kelas-kelas seni tari, kraftangan, permainan traditional, kelas gamelan, kompong, tarian traditional, tarian singa, pertunjukan pentas dan lain-lain.

### 9. Ekonomi

Aktiviti tanaman secara hidroponik, ternak ikan air tawar dan membuat air lada.

### 10. Keselamatan

Rondaan sukarela, mengesan dan melapor isu-isu perhubungan kaum dan menjadi perantara dalam penyelesaian konflik.

Semua pemastautin dalam Kawasan Rukun Tetangga secara automatik menjadi ahli Rukun Tetangga kawasan berkenaan. Mereka boleh menyertai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga berkenaan.

## JIRANMUDA

### Tujuan

Jiran Muda diwujudkan dengan tujuan

- ➔ Membantu Rukun Telanga mewujudkan peluang kepada penduduk setempat bertemu, berkenalan dan menjalankan perhubungan baik di antara satu sama lain;
- ➔ Memberi latihan kepimpinan dan perkembangan jasmani, rohani, emosi dan sosial ; dan
- ➔ Memberi peluang untuk merperolehi pengetahuan daripada kefahaman tentang kehidupan dalam masyarakat pelbagai budaya.

